

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

OKTOBER/NOVEMBER 1994

RMT 554 - Pengurusan Projek 3

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) "Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan projek-projek tebusguna tanah (reclamation projects) untuk memastikan penggunaan tanah yang lebih berkesan di dalam usahanya untuk menerajui proses perindustrian negeri ini ke abad yang akan datang".

Bincangkan kenyataan di atas dari aspek proses pembangunan hartanah untuk tanah yang ditebusguna. Nyatakan dengan jelas bagaimana penglibatan seseorang Pengurus Projek boleh memanfaatkan proses tersebut.

- (b) Terangkan secara ringkas tentang faktor-faktor yang mempunyai implikasi yang signifikan ke atas kos projek-projek tebusguna tanah dan berikan satu format kajian kemungkinan yang boleh digunakan untuk projek-projek seperti itu.

(25 markah)

2. (a) Sebagai seorang Pengurus Projek dalam sebuah organisasi yang akan mengendalikan projek 'waterfront' yang bernilai berjuta-juta ringgit, anda dikehendaki menyediakan satu laporan kepada Lembaga Pengarah tentang pelbagai kaedah pemerolehan (procurement methods) serta susunan kontrak (contractual arrangements) yang terdapat masa kini. Memandangkan pihak Lembaga Pengarah telah menunjukkan minat untuk

...2/-

menubuhkan unit-unit perundingan dan pembinaan dalaman (in-house consultancy and construction units), huraikan dengan jelas kriteria-kriteria pemilihan utama untuk panduan dan pertimbangan pihak Lembaga Pengarah.

- (b) Terangkan secara ringkas bagaimana penglibatan Pengurus Projek boleh membuat sesuatu projek itu lebih wajar dari segi persekitaran (environmentally acceptable).

(25 markah)

3. (a) Anda telah dilantik sebagai Pengurus Projek dalam satu firma perekabentuk yang bertanggungjawab menghasilkan konsep-konsep serta butiran terperinci dalam bidang Seni Bina, Kejuruteraan, Landskap dan Perancangan kepada beberapa syarikat yang tersenarai serta agensi-agensi besar. Sediakan satu laporan kepada Lembaga Pengarah menjelaskan bagaimana penglibatan anda sebagai seorang Pengurus Projek boleh memperkemaskan dan meningkatkan lagi proses rekabentuk serta dapat menghasilkan mekanisma kawalan.

- (b) "Projek-projek seharusnya mengambilkira dimensi politik". Bincangkan dengan ringkas.

(25 markah)

4. (a) Sebagai Pengurus Projek dalam syarikat pembinaan baru yang telah berjaya memenangi kontrak untuk satu projek perumahan bernilai RM80 Juta, anda dikehendaki mengemukakan satu laporan kepada Lembaga Pengarah tentang strategi dan prosedur pemerolehan bahan-bahan (material procurement) yang menunjukkan dengan jelas di mana tumpuan pengurusan atasan patut diberi.

...3/-

- (b) Sekiranya syarikat tersebut bercadang untuk 'sub-contract' sebahagian besar daripada kerja yang diperolehi, terangkan secara ringkas tentang pendekatan pengurusan sub-kontraktor yang akan anda cadangkan.

(25 markah)

5. (a) "Pengurusan risiko dalam pembinaan melibatkan proses mengenalpasti risiko-risiko ekonomi atas sesuatu projek, menganalisis risiko berkenaan dan bertindak-balas terhadapnya demi untuk menghasilkan suatu pendekatan pengurusan projek yang rasional".

Bincangkan.

- (b) Bincangkan secara ringkas tentang falsafah disebalik konsep Pengurusan Kos Strategik dan catatkan bagaimana sinergi (synergy) pasukan rekabentuk yang positif dapat dihasilkan melalui penggunaannya.

(25 markah)

6. (a) Sebagai pengurus projek sebuah syarikat pembinaan, anda dikehendaki untuk melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang isu-isu untuk memasarkan syarikat tersebut secara positif serta meningkatkan reputasinya. Catatkan dengan jelas tentang strategi-strategi yang akan anda gunakan.

- (b) Bincangkan secara ringkas tentang pendekatan untuk menubuhkan suatu sistem komunikasi yang viable bagi industri binaan.

(25 markah)

ooo00ooo